# UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

## *MENEROKA IKLIM SEKOLAH DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK ATLET PELAJAR DI SEBUAH SEKOLAH SUKAN DI JOHOR, MALAYSIA*

**SITI HAJAR BINTI RAHMAN**

**FPP 2022 44**

# MENEROKA IKLIM SEKOLAH DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK ATLET PELAJAR DI SEBUAH SEKOLAH SUKAN DI JOHOR, MALAYSIA

Oleh

**SITI HAJAR BINTI RAHMAN**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**April 2022**

© COPYRIGHT UPM

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia.

© COPYRIGHT UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**MENEROKA IKLIM SEKOLAH DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK ATLET PELAJAR DI SEBUAH SEKOLAH SUKAN DI JOHOR, MALAYSIA**

Oleh

**SITI HAJAR BINTI RAHMAN**

**April 2022**

**Pengerusi : Prof. Madya. Norlizah Binti Che Hassan, PhD**
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Teori pembelajaran sosial menekankan bahawa perilaku manusia dipengaruhi oleh persekitaran. Persekitaran sosial yang merujuk kepada iklim sekolah merupakan salah satu faktor yang boleh menjadi penyumbang kepada perkembangan moral dan disiplin pelajar. Isu kebejatan akhlak dalam kalangan remaja bukanlah satu isu yang asing pada hari ini, atlet pelajar dalam konteks kajian ini berusia dalam lingkungan 13-17 tahun, maka mereka juga mempunyai potensi untuk terlibat dengan masalah kebejatan akhlak. Oleh yang demikian, satu kajian perlu dilakukan untuk meneroka iklim sekolah dan pengaruhnya dalam pembentukan akhlak positif kepada pelajar. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka iklim sekolah menerusi dua persoalan utama: (1) Bagaimana pelajar menjalani iklim sekolah di Sekolah Sukan Negeri Johor? (2) Apakah pengaruh kepada penghayatan iklim Sekolah Sukan Negeri Johor kepada pembentukan akhlak atlet pelajar?

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah penyelidikan Kualitatif berunsurkan kajian kes. Sejumlah 10 orang informan yang terdiri daripada atlet pelajar, guru dan pengetua telah terlibat dalam kajian ini. Data dikumpulkan menerusi temubual semi struktur mendalam serta triangulasi data disokong melalui pemerhatian turut serta, analisis dokumen serta catatan nota lapangan. Data seterusnya dianalisis, diberikan kod, dikategorikan untuk membentuk sub-tema, seterusnya tema utama dibina untuk menjawab setiap persoalan kajian.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat dua tema yang terbentuk dalam penerokaan iklim sekolah iaitu memperkasakan amalan harian dan mengamalkan budaya sihat yang positif. Amalan harian diperkasakan melalui penerapan amalan kerohanian, kecergasan fizikal, menekankan keseimbangan akademik, sukan dan akhlak serta disiplin pelajar. Manakala amalan budaya sihat dan positif pula, diperincikan kepada bimbingan dan panduan, unsur suri



© COPYRIGHT UPM

teladan, pematuhan peraturan, pementoran, mengambil kira kesediaan pelajar, keluarga sebagai inspirasi dan juga sokongan rakan-rakan. Hasil kajian juga mendapati, terdapat dua tema utama yang terbentuk hasil daripada pengaruh iklim sekolah terhadap atlet pelajar iaitu menjadikan Sekolah Sukan Negeri Johor menjadi sekolah pilihan kerana terdapat elemen memantapkan pembelajaran berunsurkan kerohanian dan juga melahirkan pelajar ideal dengan membentuk akhlak dan atlet pelajar, melahirkan pelajar yang mementingkan kebajikan bersama, pelajar berdikari, pelajar berkepimpinan, membentuk habit yang baik dalam diri pelajar dan seterusnya menghasilkan pelajar yang mempunyai masa hadapan yang cerah.

Implikasi daripada kajian ini boleh dijadikan panduan dan dorongan kepada pengetua dan guru supaya dapat membudayakan elemen positif menerusi iklim sekolah berdasarkan prinsip yang berpaksikan kepatuhan kepada tuhan sebagai asas dalam membina persekitaran sekolah yang kondusif dalam pelbagai aspek.

© COPYRIGHT UPM

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree Master of Science

**EXPLORING THE SCHOOL CLIMATE IN THE FORMATION OF STUDENT ATHLETE MORALS IN SPORTS SCHOOLS IN JOHOR, MALAYSIA**

By

**SITI HAJAR BINTI RAHMAN**

**April 2022**

**Chair : Assoc. Prof. Norlizah Binti Che Hassan, PhD**
**Faculty : Educational Studies**

Social learning theory emphasises that the environment influences human behaviour. The social environment that refers to the school climate is one of the factors that can contribute to the moral development and discipline of students. The issue of moral depravity among teenagers is not unfamiliar today, the student-athletes in this study are between 13-17 years old, so they also have the potential to be involved with the problem of moral depravity. Therefore, it is necessary to explore the school climate and its impact on the moral development of students. Consequently, this research aimed to examine the school climate through two main questions.: (1) How do students experience the school climate at the Johor State Sports School? (2) What influence does the appreciation of the Johor State Sports School's climate have on the moral formation of student-athletes?

This study employed a qualitative research approach based on case studies and involved ten informants, including student-athletes, teachers, and principals. Data collection using in-depth semi-structured interviews and data triangulation supported through participant observation, document analysis and field notes. The data is then analysed, coded, and categorised to form sub-themes, and then the main theme is constructed to answer each research question.

The study found two themes in exploring school climate: empowering daily practices and practising a positive, healthy culture. Spiritual activities and

© COPYRIGHT UPM

physical fitness reinforce daily practice, emphasising the balance of academics, sports and morals, and student discipline. Contrarily, healthy and positive cultural practices detail instruction and mentorship, role models, rule compliance, and mentoring, considering students' readiness and the support of friends and families and their inspiration. As a result of the influence of the school climate on student-athletes, the study found that two main themes emerged. The first is to make the Johor State Sports School the school of choice because there are elements that strengthen spiritual learning. The second is to produce ideal students by shaping morals and student-athletes, producing students who care about mutual welfare, independent students, and leaders.

The implications of this study can be used as a guide and encouragement to principals and teachers so that they can cultivate positive elements through the school climate based on the principle of obedience to God as the basis for building a conducive school environment in various aspects.

© COPYRIGHT UPM

## PENGHARGAAN

**Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih.**

Syukur alhamdulillah kerana dengan limpah rahmatnya saya dapat menyempurnakan tesis ini dengan segala kudrat yang ada. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyelia yang sangat saya hormati iaitu Profesor Madya Dr. Norlizah binti Che Hassan yang sentiasa memberi motivasi, bimbingan, panduan dan tunjuk ajar sepanjang proses penyelidikan bagi menghasilkan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga kepada selaku ahli jawatankuasa penyeliaan iaitu Dr. Fathiyah binti Fakhruddin dan Pn. Siti Suria binti Salim yang turut juga memberi nasihat, teguran serta tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Seterusnya, terima kasih diucapkan juga kepada semua pensyarah dan kakitangan Fakulti Pengajian Pendidikan serta rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi bimbingan dan bantuan sepanjang tempoh pengajian saya di peringkat sarjana ini.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada Pengetua SSNJ SMK Tun Hussien Onn kerana memberi peluang untuk saya menyambung pengajian dan menjalankan penyelidikan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan guru, pihak pengurusan sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah Kluang, Jabatan Pelajaran Negeri Johor kerana meluluskan permohonan saya untuk menyambung pelajaran dalam tempoh bekerja. Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada ahli keluarga, khususnya ibu saya Pn Hjh Jameah binti Mariaman serta adik beradik yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Semoga segala kebaikan yang diberikan oleh insan-insan ini akan dibalas Allah S.W.T.

© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Peyeliaan adalah seperti berikut:

**Norlizah binti Che Hassan, PhD**
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Puta Malaysia
(Pengerusi)

**Fathiyah binti Mohd Fakhrudin, PhD**
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

**Siti Suria Binti Salim**
Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

______________________________

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 Oktober 2022

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini ialah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat ataupun pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan Perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: ____________________________ Tarikh: ____________________

Nama dan No. Matrik: Siti Hajar binti Rahman, ________



© COPYRIGHT UPM

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang telah dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: ______________________
Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Norlizah binti Che Hassan

Tandatangan: ______________________
Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Dr.Fathiyah Mohd Fakhruddin

Tandatangan: ______________________
Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Siti Suria binti Salim

© COPYRIGHT UPM

## ISI KANDUNGAN


| | | Page |
|---|---|---|
| **ABSTRAK** | | i |
| ***ABSTRACT*** | | iii |
| **PENGHARGAAN** | | vi |
| **PENGESAHAN** | | v |
| **PERAKUAN** | | vi |
| **SENARAI JADUAL** | | xii |

**BAB**

| | | |
|---|---|---|
| **1** | **PENDAHULUAN** | 1 |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar belakang | 2 |
| | 1.3 Penyataan Masalah | 3 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 4 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 4 |
| | 1.6 Kepentingan Kajian | 4 |
| | 1.7 Skop dan Limitasi kajian | 5 |
| | 1.8 Definisi Istilah | 5 |
| | 1.9 Kesimpulan | 6 |
| **2** | **TINJAUAN LITERATUR** | 8 |
| | 2.1 Pengenalan | 8 |
| | 2.2 Sekolah Sukan | 8 |
| | 2.3 Atlet Pelajar | 9 |
| | 2.4 Sejarah Penubuhan Sekolah Sukan Negeri Johor | 11 |
| | 2.5 Iklim sekolah | 11 |
| | 2.6 Iklim Sekolah dari Perspektif Islam | 13 |
| | 2.7 Pandangan Tokoh Berkaitan Pengaruh Persekitaran | 15 |
| | 2.7.1 Albert Bandura | 15 |
| | 2.7.2 Ibnu Khaldun | 16 |
| | 2.8 Pengaruh Iklim Sekolah Terhadap Tingkah laku | 18 |
| | 2.9 Kesimpulan | 19 |
| **3** | **METODOLOGI KAJIAN** | 20 |
| | 3.1 Pengenalan | 20 |
| | 3.2 Reka Bentuk Kajian | 20 |
| | 3.3 Kaedah Kajian Kes | 21 |
| | 3.4 Lokasi Kajian | 22 |
| | 3.5 Kaedah Pengumpulan data | 22 |
| | 3.5.1 Temu Bual Mendalam | 22 |
| | 3.5.2 Pemerhatian | 24 |
| | 3.5.3 Analisis Dokumen | 25 |
| | 3.5.4 Pengkajian Sebagai Instrumen | 25 |
| | 3.6 Aktiviti di Lapangan | 25 |
| | 3.6.1 Pemilihan Informan | 26 |
| | 3.6.2 Kajian Rintis | 26 |




© COPYRIGHT UPM

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 3.7 | Analisis Data dan Interpretasi | 27 |
| | | 3.7.1 Pengurusan Data | 27 |
| | | 3.7.2 Penulisan Transkripsi Temu Bual | 28 |
| | | 3.7.3 Kaedah Analisis Data | 28 |
| | | 3.7.4 Pembentukan Tema | 29 |
| | 3.8 | Kesahan dan Kebolehpercayaan | 29 |
| | | 3.8.1 Jejak Audit | 30 |
| | | 3.8.2 Member Checks | 30 |
| | | 3.8.3 Peer Examination | 30 |
| | | 3.8.4 Pemerhatian Jangka Panjang Di lapangan | 30 |
| | | 3.8.5 Keperincian, Kepadatan dan Pengkayaan Deskripsi | 31 |
| | | 3.8.6 Diari Penyelidikan | 31 |
| | | 3.8.7 Triangulasi | 31 |
| | 3.9 | Kesimpulan | 31 |
| **4** | | **DAPATAN KAJIAN** | 32 |
| | 4.1 | Pengenalan | 32 |
| | 4.2 | Butiran Informan | 32 |
| | | 4.2.1 Profil Informan | 32 |
| | 4.3 | Persoalan Kajian I | 33 |
| | | 4.3.1 Memperkasakan Amalan Harian | 34 |
| | | 4.3.2 Budaya Sihat dan Positif | 38 |
| | 4.4 | Persoalan Kajian II | 43 |
| | | 4.4.1 Menjadikan Sekolah Pilihan | 44 |
| | | 4.4.2 Melahirkan Pelajar Ideal | 45 |
| | 4.5 | Kesimpulan | 48 |
| **5** | | **PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN** | 49 |
| | 5.1 | Pengenalan | 49 |
| | 5.2 | Perbincangan Dapatan Kajian | 49 |
| | | 5.2.1 Memperkasakan Amalan Harian | 50 |
| | | 5.2.2 Budaya Sihat dan Positif | 54 |
| | | 5.2.3 Menjadikan sekolah Pilihan | 59 |
| | | 5.2.4 Melahirkan Pelajar Ideal | 60 |
| | 5.3 | Implikasi Kajian | 62 |
| | | 5.3.1 Implikasi Teori | 62 |
| | | 5.3.2 Implikasi Praktikal | 63 |
| | 5.4 | Cadangan dan Kajian Lanjutan | 64 |
| | 5.5 | Kesimpulan | 65 |
| **RUJUKAN** | | | 66 |
| **LAMPIRAN** | | | 76 |
| **BIODATA PELAJAR** | | | 82 |

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL

| Jadual | | Halaman |
|---|---|---|
| 4.1 | Profil informan kajian | 33 |
| 4.2 | Jadual Tema dan Sub-Tema Analisis Persoalan Kajian 1 | 34 |
| 4.3 | Jadual Tema dan Sub-Tema Analisis Persoalan Kajian 2 | 44 |
| 5.1 | Jadual Persoalan kajian, Tema dan Sub tema | 49 |

© COPYRIGHT UPM

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Perkembangan Dasar Pendidikan Kebangsan bermula dari Penyata Razak yang dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran (1957) merupakan satu usaha untuk memperbaiki sistem pendidikan peninggalan penjajah kepada sistem pendidikan yang memenuhi keperluan semasa. Bertitik tolak dari situ, dasar ini melalui Laporan Rahman Talib pada tahun 1960 dikaji semula dan membentuk Akta Pelajaran 1961. Pada tahun 1979, dasar ini dikaji sekali lagi oleh jawatan kuasa kabinet untuk memenuhi hasrat negara bagi melahirkan tenaga rakyat terlatih pada ketika itu, dan seterusnya pada tahun 1996 dasar ini disemak sekali lagi dan menghasilkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Dasar Pendidikan Negara memainkan peranan yang penting bagi memastikan sistem pendidikan mampu membawa negara ke taraf negara maju dari segenap aspek sama ada keadilan sosial, ekonomi, etika mahupun kerohanian bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang secara jelas menyatakan bahawa

> "Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan untuk mengembangkan potensi individu secara holistik dan bersepadu sehingga dapat melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan dan kesetiaan yang tinggi kepada Tuhan. Usaha sedemikian dirancang untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berpengetahuan, berdaya saing, bertangungjawab, mempunyai tahap moral dan kesejahteraan diri yang tinggi serta berkebolehan menyumbang kepada peningkatan keharmonian keluarga, masyarakat dan negara."

Jacques Rousseau (1712-1778) menyatakan bahawa pendidikan adalah proses berterusan yang bermula pada usia muda dan dalam proses ini semua kebolehan dihasilkan secara semula jadi. Pendidikan formal melalui institusi sekolah adalah elemen penting bagi semua bangsa dalam usaha pembangunan dari segenap aspek sama ada sosial, politik mahupun ekonomi. Bagi memastikan matlamat pendidikan yang tersebut tercapai, maka persekitaran sekolah yang merujuk kepada iklim sekolah memainkan peranan yang penting dalam mencapai hasrat tersebut.

Howard (1974) mendefinisikan iklim sekolah sebagai suasana sekolah yang boleh mempengaruhi tingkah laku orang di dalamnya. Freiberg (1998) menyatakan iklim sekolah boleh menjadi satu pengaruh yang positif terhadap suasana pembelajaran yang baik. Menurut Saini (2005), suasana sekolah yang bercirikan keislaman yang sebenar dengan pelaksanaan aktiviti pendidikan yang mencakupi kasih sayang, hormat menghormati dan persekitaran yang harmoni boleh membawa kejayaan kepada sahsiah dan pencapaian murid-murid.



© COPYRIGHT UPM

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Dasar pendidikan telah diperbaiki dari masa ke masa untuk meningkatkan kualiti sistem pendidikan masa hadapan. Dalam hal ini, konsep dan proses pendidikan mestilah merangkumi intelektual, fizikal, dan moral yang baik. Oleh itu, pendidikan harus menumpukan perhatian pada pengembangan potensi individu ke tahap yang optimum bagi melahirkan individu yang boleh memberi manfaat kepada bangsa, agama dan negara.

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan program khusus bagi sekolah-sekolah yang terpilih. Sekolah yang telah mengikuti program ini dikenali sebagai 'Sekolah Program'. Terdapat pelbagai jenis program yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meningkatkan kualiti pendidikan, dan salah satunya adalah program yang direka untuk mencungkil dan menonjolkan bakat pelajar, misalnya sekolah sukan.

Skop kajian ini tertumpu kepada sekolah sukan negeri di Malaysia. Dalam konteks program sekolah sukan, atlet pelajar boleh didefinisikan sebagai peserta sukan kompetitif yang dianjurkan oleh institusi pendidikan dan mereka juga merupakan individu yang sepenuh masa atlet dan sepenuh masa pelajar. sekolah sukan negeri mula diperkenalkan pada tahun 2009. Setiap negeri hanya mempunyai satu sekolah sukan negeri sahaja dan dipilih oleh Jabatan Pendidikan Negeri berdasarkan kriteria tertentu khususnya dari segi lokasi, kemudahan asrama dan kemudahan infrastruktur sukan. Manakala dari segi pengurusan, sekolah sukan negeri masih tertakluk di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing.

Dalam dunia pendidikan, salah satu faktor sosial yang menyumbang kepada perkembangan moral dan disiplin pelajar adalah melalui iklim sekolah. Ibnu Khaldun mengatakan bahawa iklim memberi pengaruh yang besar terhadap kehidupan seharian. Iklim sekolah memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran kerana iklim sekolah yang positif akan menghasilkan persekitaran atau budaya yang positif bagi pelajar, guru dan kakitangan (Stapa, Ismail & Yusuf, 2012). Imam al-Ghazali juga menekankan bahawa iklim merupakan satu faktor dalam pembentukan peribadi yang mulia. Pembentukan ini merupakan hasil daripada pemerhatian dan pergaulan dengan apa yang ada di sekelilingnya. Manusia secara semulajadinya akan meniru untuk mendapatkan sama ada baik atau buruk dari yang lain. Sekiranya seseorang berurusan dengan orang yang soleh dalam jangka masa tertentu, mereka akan mendapat manfaat daripada orang tersebut (Ariffin, 2018).

Pada tahun 1996, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Islam dan Moral telah memperkenalkan Konsep *Iklim Dini* untuk semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Iklim Dini* adalah



© COPYRIGHT UPM

suasana keagamaan yang berlaku di sekolah berdasarkan amalan dan tabiat seseorang yang mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian (Sari, 1998). *Iklim Dini* merujuk kepada suasana keagamaan yang menyatukan perkembangan manusia termasuk perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang terhasil melalui penghayatan yang berterusan terhadap nilai-nilai dan amalan tauhid berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, pelaksanaan budaya *Iklim Dini* dapat dikategorikan sebagai kurikulum tersembunyi dan pastinya merupakan salah satu cara menanamkan nilai-nilai moral dalam kalangan pelajar.

Secara amnya, iklim sekolah adalah cerminan keperibadian sekolah. Iklim sekolah yang berkualiti jika disulami dengan budaya *Iklim Dini* yang meletakkan ketaatan kepada pencipta di tempat pertama, maka sudah pasti natijahnya mampu mempengaruhi tingkah laku warganya dalam mencapai kecemerlangan yang seimbang antara tuntutan *duniawi* dan *ukhrawi.*

## 1.3 Penyataan Masalah

Akhlak yang baik boleh dibentuk melalui persekitaran yang baik. Persekitaran berupaya memberi pengaruh kepada tabiat manusia. Penghayatan nilai akhlak merupakan kemuncak daripada proses pengakuran sosial seseorang terhadap ransangan, tindak balas, peneguhan, kepatuhan, pemodelan dan peniruan yang diperolehi melalui pembelajaran sosial. Proses ini selanjutnya memerlukan kewujudan faktor motivasi dalaman seperti kepuasan diri dan keinginan untuk dilihat benar serta faktor motivasi luaran seperti galakan dan ancaman.

Persekitaran sosial boleh mempengaruhi hidup seseorang. Melalui kajian yang dilakukan oleh Ismail et. al (2017) terhadap 244 orang remaja yang menetap di kawasan PPR di sekitar Lembah Klang menunjukkan bahawa persekitaran sosial dan perumahan memainkan peranan penting dalam menjamin tingkah laku remaja daripada terjebak dengan gejala sosial. Kajian tersebut seterusnya disokong oleh dapatan kajian yang dilakukan oleh Ibrahim et. al (2018) terhadap 480 responden remaja daripada populasi remaja berisiko tinggi dalam penyalahgunaan bahan. Dapatan kajian tersebut turut mendapati faktor persekitaran sosial merupakan faktor dominan bagi keterlibatan remaja dalam gejala tersebut.

Persekitaran yang menjadikan agama sebagai paksi dalam menjalani kehidupan boleh menjadi faktor kepada kemenjadian generasi pelajar yang berakhlak terpuji. Menurut Zainal, Sulaiman dan Jaffar (2012) *Biah Solehah* merupakan cara hidup yang meletakkan kecintaan kepada tuhan ditempat yang utama di samping membudayakan hubungan baik sesama manusia dalam usaha membina akhlak mulia. Dapatan kajian yang dilakukan oleh Muhammad dan Hashim (2017) terhadap 886 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) menunjukkan strategi pelaksanaan *Biah Solehah* dapat memberi kesan yang positif kepada pembentukan akhlak pelajar.



© COPYRIGHT UPM

Faiz syahrin (2018) dalam kajiannya yang berkaitan penjagaan aurat dan pengamalan solat dalam kalangan atlet murid Sekolah Sukan Negeri Perak mendapati, terdapat atlet pelajar yang mengabaikan tuntutan penjagaan aurat dan solat kerana menjalani latihan sukan. Faktor utama yang mempengaruhi penjagaan aurat dan pengamalan solat adalah jati diri daripada didikan awal ibu bapa diikuti dengan guru, jurulatih dan persekitaran institusi pendidikan. Kefahaman terhadap aurat dan solat mempunyai hubungan yang signifikan terhadap penjagaan aurat dan pengamalan solat atlet murid. Solat merupakan ibadah yang dapat mencegah perbuatan keji dan mungkar. Apabila solat tidak dipelihara, maka seseorang boleh cenderung untuk melakukan perbuatan yang dilarang oleh syariat.

Berikutan daripada kebejatan akhlak remaja dan atlet di Malaysia, maka satu kajian berkaitan pembentukan akhlak bagi atlet pelajar perlu dijalankan. Walaupun terdapat kajian yang berkaitan penghayatan agama terhadap sekolah sukan seperti kajian yang dilakukan Osman dan Yahya (2018) yang mengkaji hubungan penghayatan agama dan kesejahteraan psikologi terhadap pelajar Sekolah Sukan Negeri Melaka, namun dapatannya masih lagi terbatas. Justeru, kajian-kajian yang berkaitan persekitaran sosial, penghayatan agama dan pembentukan akhlak perlu dilakukan terhadap atlet pelajar dengan lebih terperinci agar ianya boleh menjadi model kepada setiap sekolah sukan dalam membina atlet berakhlak berkelas dunia.

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan adalah untuk meneroka pelaksanaan iklim sekolah dan kesannya terhadap pembentukan akhlak atlet pelajar di Sekolah Sukan Negeri Johor sama ada di sekolah mahupun di asrama. Objektif kajian secara terperinci adalah seperti berikut:

i. Untuk meneroka iklim sekolah di Sekolah Sukan Negeri Johor.
ii. Untuk meneroka pengaruh iklim sekolah terhadap pembentukan akhlak atlet pelajar di Sekolah Sukan Negeri Johor.

## 1.5 Persoalan Kajian

1.5.1 Bagaimana pelajar menjalani iklim sekolah di Sekolah Sukan Negeri Johor?

1.5.2 Apakah pengaruh kepada penghayatan iklim Sekolah Sukan Negeri Johor kepada pembentukan akhlak atlet pelajar?

© COPYRIGHT UPM

## 1.6 Kepentingan Kajian

Sesebuah sekolah yang baik daripada konteks Islam tidak sempurna sekiranya tidak wujud suasana keagamaan di sekolah, lebih-lebih lagi jika majoriti warga sekolah yang terdiri daripada pelajar, guru dan kakitangannya beragama Islam. Bertepatan dengan pandangan Hashim (1998) yang mengatakan bahawa sebuah sekolah bukan sahaja perlu efektif, tetapi yang lebih penting adalah bagaimana guru dan pelajarnya yang kuat dalam mengamalkan ajaran Islam berusaha untuk memimpin sekolah menuju kejayaan. Menurut Sari (1998), dengan munculnya suasana yang harmoni dalam hubungan manusia dengan tuhan dan hubungan manusia antara manusia berdasarkan ajaran Islam, maka manusia akan dapat memahami hakikat budaya ilmu dengan baik dan dapat mengekalkan identiti dan fungsi sebenar yang boleh membawa kepada kebenaran.

Kajian yang berkaitan dengan pembudayaan suasana Islam di sekolah adalah sebahagian daripada usaha pendidikan bersepadu yang merangkumi tiga dimensi utama manusia, iaitu rohani, intelektual dan fizikal yang membolehkan pelajar dan guru mempraktikkan dan menghayati ajaran Islam dalam semua aktiviti di sekolah serta meningkatkan motivasi warganya.

Oleh itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pentadbir sekolah untuk memperbaiki perancangan dan pelaksanaan yang diperlukan dalam memantapkan budaya persekitaran Islam untuk meningkatkan lagi penghayatan akhlak pelajar di sekolah bukan aliran agama. Di samping itu, hasil kajian ini juga, diharapkan dapat dijadikan contoh dan panduan kepada sekolah-sekolah sukan di Malaysia untuk melahirkan generasi atlet pelajar yang seimbang dalam memenuhi tuntutan dunia dan akhirat.

## 1.7 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ini dilakukan di Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Hussien Onn, Kluang Johor. Informan kajian ini dipilih dalam kalangan pelajar dan guru berdasarkan kriteria tertentu iaitu atlet pelajar Islam yang menginap di asrama sekolah sukan. Oleh sebab penemuan hasil kajian ini hanya berlaku di tempat dan kumpulan yang terpilih sahaja, maka kajian ini tidak boleh dijadikan kesimpulan untuk mewakili budaya suasana Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan lainnya.

## 1.8 Definisi Istilah

Kajian ini menggunakan beberapa perkataan atau istilah. Oleh itu beberapa penjelasan diberikan agar tiada kekeliruan mengenai istilah yang digunakan. Penjelasan mengenai istilah tersebut adalah berdasarkan tajuk kajian yang



© COPYRIGHT UPM

dijalankan iaitu ‘Meneroka Iklim Sekolah dalam Pembentukan Akhlak Atlet Pelajar di Sebuah Sekolah Sukan di Johor’.

### 1.8.1 Iklim

Howard (1974) mendefinisikan iklim sekolah sebagai keadaan sosial dan budaya sekolah yang mempengaruhi tingkah laku orang di dalamnya. Wang dan Degol (2015) menyatakan bahawa iklim sekolah merangkumi dimensi persekitaran akademik, komuniti, keselamatan dan institusi yang boleh mempengaruhi psikologi kognitif, tingkah laku dan perkembangan.

Iklim dalam kajian ini merujuk kepada keadaan dan persekitaran sekolah yang mempengaruhi tingkah laku pelajar. Manakala, Dziauddin (1999) mengatakan *‘Iklim Dini’* merujuk kepada situasi atau suasana sekolah yang wujud di persekitaran anggotanya yang mengamalkan ajaran agama sehingga dapat mempengaruhi tingkah laku warganya.

### 1.8.2 Atlet Pelajar

